

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjawab soalan mengenai isu ini di dalam Dewan Rakyat semasa sesi soal jawab lisan pada 25 Oktober 2017. Sehubungan itu, Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada Penyata Rasmi Dewan Rakyat bagi soalan nombor 4 bertarikh 25 Oktober 2017.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]

SOALAN :

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan gerakan Transformasi Negara 2050 (TN50), apakah hasil yang diperoleh melalui dialog-dialog dilaksanakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Januari 2017 hingga kini, pelbagai aktiviti berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi Kerajaan yang lain. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah sesi dialog, perbincangan meja bulat serta sesi *townhall* yang melibatkan *stakeholders* dan kumpulan sasaran masing-masing. Input daripada sesi *engagement* bersama golongan belia telahpun dikumpulkan dan dibahagikan kepada lima tema utama iaitu Ekonomi dan Pekerjaan, Kehidupan dan Kesejahteraan, Tadbir Urus, Masyarakat dan Gaya Hidup.

Selain itu, input yang terkumpul setakat ini juga rata-ratanya menunjukkan rakyat Malaysia menitikberatkan tentang kualiti kehidupan, masyarakat yang mapan dan inklusif serta beridentitikan Malaysia ke arah tahun 2050. Kesemua input yang terkumpul ini kelak akan digunakan untuk penggubalan dokumen dasar TN50 oleh Jabatan Perdana Menteri yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang.

59

Bermula pada April hingga bulan September 2017, 28,000 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 58,400 individu. Manakala 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah terkumpul sehingga Jun 2017.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017